

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1979 ♦

Tuan,

PENGECUALIAN DARIPADA SYARAT LULUS PEPERIKSAAN AM KERAJAAN

Saya diarah merujuk kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 1977](#), yang telah memperkenalkan Peperiksaan Am Kerajaan berikutan pelaksanaan tanggungaji bersih baharu Jawatankuasa Kabinet Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam.

2. Untuk tujuan melicinkan pelaksanaan Peperiksaan Am Kerajaan ini, adalah diputuskan bahawa syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan bagi maksud pengesahan dalam jawatan hanya dikenakan bagi lantikan pertama sahaja ke dalam jawatan-jawatan Kumpulan A dan B. Dengan keputusan ini, pegawai-pegawai di dalam keadaan yang dinyatakan dibawah ini adalah dikecualikan daripada syarat lulus Peperiksaa Am Kerajaan bagi maksud pengesahan dalam jawatan.

- (a) Pegawai dalam Kumpulan A yang telah disahkan dalam jawatan dan kemudiannya di lantik ke jawatan lain yang lebih tinggi di dalam kumpulan yang sama. Misalnya, seorang Pegawai Tadbir Am/Negeri yang telah disahkan dalam jawatan dilantik ke jawatan perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia;
- (b) Pegawai dalam Kumpulan B yang telah disahkan dalam jawatan dan kemudiannya dilantik ke jawatan lain yang lebih tinggi di dalam kumpulan yang sama. Misalnya seorang Guru Kategori CI yang telah disahkan dalam jawatan dilantik ke jawatan Guru Kategori TI;
- (c) Pegawai dalam Kumpulan B yang telah disahkan dalam jawatan dan kemudian dilantik ke jawatan lain yang lebih tinggi dalam Kumpulan A . Misalnya Pembantu Teknik yang telah disahkan dalam jawatan dilantik ke jawatan Jurutera.

3. Perlu ditegaskan bahawa lain-lain perbekalan di dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 1977](#) itu adalah tidak berubah.

4. Pihak berkuasa melantik adalah dengan in diminta mengambil ingatan terhadap keputusan ini dalam menjalankan urusan pengambilan bagi jawatan-jawatan dalam Kumpulan A dan B daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat yang telah disahkan dalam jawatan mereka.

Saya yang menurut perintah,

SHAMSUDDIN BIN DAHLAN,
*Bahagian Perjawatan,
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatn Awam
Malaysia*

31hb Mei, 1979

SETIAUSAHA,
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM,
JALAN YOUNG,
KUALA LUMPUR.

SETIAUSAHA,
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN,
JALAN YOUNG,
KUALA LUMPUR.

SETIAUSAHA,
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN,
JALAN SPOONER,
KUALA LUMPUR.

SETIAUSAHA,
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KERETAPI TANAH MELAYU,
TINGKAT 11, WISMA KERAMAT,
JALAN GURNEY,
KUALA LUMPUR.

SETIAUSAHA,
SURUHANJAYA PASUKAN POLIS DI RAJA,
D/A KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI,
JALAN DATO' ONN,
KUALA LUMPUR.

s.k.: Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
Pengarah Bahagian Perkhidmatan ,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Kuala Lumpur.

¹Dibatalkan menurut [PP Bil. 5/80](#) berkuatkuasa pada 1 Disember, 1980.